



SIARAN MEDIA

Harga Runcit Produk Petroleum Bagi Tempoh 20 Jun 2020 Hingga 26 Jun 2020

HARGA MINYAK | 19 JUN 2020



Berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM), harga runcit produk petroleum bagi tempoh 20 Jun 2020 sehingga 26 Jun 2020 adalah ditetapkan seperti berikut:

1. Harga runcit petrol RON97 naik sebanyak 3 sen seliter iaitu daripada RM1.86 seliter kepada RM1.89 seliter;
2. Harga runcit petrol RON95 naik sebanyak 3 sen seliter iaitu daripada RM1.56 seliter kepada RM1.59 seliter; dan
3. Harga runcit diesel naik sebanyak 4 sen seliter iaitu daripada RM1.73 seliter kepada RM1.77 seliter.

Kenaikan ini adalah dipengaruhi oleh harga minyak yang diproses (*refined product*) yang semakin meningkat, selari dengan kenaikan harga minyak mentah dunia.

Kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

[Harga Minyak](#)

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)

[HARGA MINYAK](#)

[PRICE OF PETROLEUM](#)

[TENGKU ZAFRUL](#)

[BANTUAN PRIHATIN NASIONAL](#)

[KWSP](#)

[I-SINAR](#)

[SINAR HARIAN](#)

[JELAJAH BELANJAWAN 2021](#)

[PRIHATIN MOF](#)

[BERITA HARIAN](#)

[THE STAR](#)